



Soalan Lazim (FAQ) Permohonan Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS Secara Dalam Talian

1. Siapakah yang layak memohon Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS?

Jawapan: Bantuan ini terbuka kepada semua pelajar Islam yang bermastautin di Negeri Sembilan dan yang akan menyambung pengajian sepenuh masa di peringkat Sijil/Asasi/Matrikulasi/Tamhidi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dengan merujuk kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam iklan yang dipaparkan di portal MAINS.

2. Adakah bantuan ini disediakan bagi pelajar yang akan melanjutkan pengajian di IPTA sahaja?

Jawapan: Tidak, Bantuan ini disediakan untuk semua Institusi Pengajian Tinggi Awam@Swasta di dalam negara atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.

3. Adakah bidang pengajian yang tertentu sahaja yang boleh dibantu?

Jawapan : Bidang pengajian atau kursus yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia serta tidak bertentangan dengan hukum syarak.

4. Bolehkah saya memohon jika saya sudah mengikuti pengajian di IPT?

Jawapan: Boleh memohon sekiranya pelajar masih dalam tempoh semester pertama atau dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan semasa daripada tarikh pendaftaran tawaran kemasukan ke IPT (rujuk tarikh daftar pada surat tawaran).

5. Saya pernah menerima Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS pada awal tahun lepas bagi kemasukan peringkat tamhidi, bolehkah saya memohon bantuan ini untuk kemasukan peringkat Diploma pada tahun ini?

Jawapan: Permohonan boleh dibuat untuk kemasukan pertama bagi setiap peringkat pengajian.

6. Apakah panduan untuk saya memilih peringkat pengajian di dalam borang ?

Jawapan: Anda boleh memilih peringkat pengajian mengikut panduan seperti di bawah

PERINGKAT PENGAJIAN	PILIH PERINGKAT PENGAJIAN
Matrikulasi/Asasi/Tamhidi/Sijil/Pra Diploma	Sijil
Diploma/DVSM/Tingkatan 6 (STPM/STAM)	Diploma
Ijazah Sarjana Muda	Ijazah
Sarjana (Master)	Sarjana
Kedoktoran	PHD

7. Anak saya berumur 16 tahun dan telah menerima tawaran di Kolej Vokasional. Adakah saya boleh memohon bantuan ini ?

Jawapan: Bagi pelajar yang berumur 16 atau 17 tahun yang melanjutkan pelajaran di Kolej Vokasional/pusat kemahiran/mana-mana institusi boleh merujuk Permohonan Bantuan Am Persekolahan yang dibuka pada 15 Januari 2025 hingga 30 April 2025 dan didaftarkan atas nama penjaga.

8. Bagaimana cara untuk memohon Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS secara online?

Jawapan: Anda boleh memohon Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS secara dalam talian melalui pautan ini www.mains.gov.my/agihan/ yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Sila log masuk ke pautan menggunakan ID pengguna (pelajar) yang telah didaftarkan atau buat pendaftaran jika anda belum mempunyai akaun. Setelah itu, lengkapkan borang permohonan dengan maklumat yang diperlukan.

9. Bagaimana saya ingin mengimbas kad pengenalan dan dokumen yang diperlukan menggunakan telefon pintar?

Jawapan: Anda boleh memuatnaik aplikasi yang sesuai di telefon pintar anda seperti Adobe Scan, Cam Scanner, Microsoft Office Lens, Scanbot dan lain-lain yang terdapat dalam Android. Manakala bagi telefon jenis Iphone boleh menggunakan aplikasi Notes.

10. Bolehkah saya lampirkan dokumen asal yang diimbas terus daripada aplikasi telefon?

Jawapan: Amat digalakkan untuk pemohon lampirkan dokumen asal dan sekiranya dokumen yang dilampirkan adalah Salinan perlu dapatkan cop pengesahan terlebih dahulu kemudian masukkan dalam ruang yang disediakan.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya lupa kata laluan untuk log masuk ke portal?

Jawapan: Jika anda terlupa kata laluan, klik pada pautan "Lupa Kata Laluan" di halaman log masuk. Anda akan diminta untuk memasukkan alamat emel yang didaftarkan, dan pautan untuk reset kata laluan akan dihantar ke emel anda. Ikuti arahan untuk menetapkan kata laluan baru.

12. Kenapa saya tidak boleh log masuk ke portal walaupun saya menggunakan kata laluan yang betul?

Jawapan: Pastikan alamat emel dan kata laluan yang dimasukkan adalah tepat. Jika masalah berlanjutan, cuba kosongkan cache dan cookies pelayar web anda atau gunakan pelayar lain. Jika masih tidak berjaya, hubungi bahagian sokongan teknikal melalui emel unitpendidikan@mains.gov.my atau nombor telefon pejabat MAINS yang berdekatan

13. Adakah sistem permohonan ini serasi dengan semua pelayar web?

Jawapan: Portal permohonan bantuan am persekolahan biasanya serasi dengan pelayar web utama seperti Google Chrome, Mozilla Firefox, Safari, dan Microsoft Edge. Pastikan pelayar anda adalah versi terkini untuk pengalaman yang lebih lancar.

14. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya mengalami masalah teknikal semasa mengisi borang permohonan?

Jawapan: Jika anda menghadapi masalah semasa mengisi borang, pastikan sambungan internet anda stabil dan cuba semula. Sekiranya masalah berterusan, cuba buka borang pada pelayar lain atau peranti lain. Jika masih gagal, hubungi sokongan teknikal untuk bantuan lanjut.

15. Mengapa saya tidak dapat menghantar permohonan selepas mengisi borang?

Jawapan: Pastikan semua maklumat yang diperlukan telah diisi dengan lengkap dan tepat. Sahkan bahawa dokumen yang diperlukan telah dimuat naik dengan saiz yang betul dan dalam format PDF yang tidak melebihi 2MB setiap dokumen. Jika semua sudah betul, cuba semula. Jika masalah berlanjutan, hubungi sokongan teknikal.

16. Mengapa dokumen yang saya muat naik tidak diterima oleh sistem?

Jawapan: Pastikan format dokumen yang dimuat naik adalah betul iaitu format PDF yang tidak melebihi had saiz 2GB. Sekiranya format atau saiz dokumen tidak sesuai, sistem tidak akan menerima muat naik tersebut.

17. Bolehkah saya mengubah permohonan selepas ia dihantar?

Jawapan: Secara amnya, selepas permohonan dihantar, ia tidak boleh diubah. Namun, jika terdapat sebarang kesilapan, anda boleh menghubungi pihak sokongan teknikal atau rayuan untuk membuat pembetulan kepada Pejabat MAINS yang berdekatan atau email kepada unitpendidikan@mains.gov.my.

18. Bagaimana saya boleh memastikan maklumat saya disimpan selepas mengisi borang permohonan?

Jawapan: Pastikan anda klik pada butang "Simpan dan seterusnya" setelah mengisi borang permohonan. Sebelum menghantar, pastikan semua maklumat telah disemak dengan teliti.

19. Bagaimana saya dapat memastikan bahawa permohonan saya telah diterima dan diproses oleh pihak berkenaan?

Jawapan: Selepas menghantar permohonan anda boleh juga menyemak status permohonan melalui pautan yang sama dengan log masuk ke akaun anda dan pilih SEMAK/KEMASKINI MAKLUMAT dan akan dinyatakan permohonan anda telah Berjaya / Dihantar / Sedang Diproses / Lulus / Gagal.



مَجْلِسُ اِسلامِ نِجَرِي سَمبيلان
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

**Semoga senarai
soalan lazim ini
dapat membantu
pengguna dalam
menangani
isu teknikal
yang mungkin
timbul semasa
menggunakan
sistem permohonan
bantuan am pelajaran IPT
MAINS secara dalam talian.**

